

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHD NIZAR B. ZAKARIA (PARIT)

SOALAN

DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [PARIT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- a) sehingga kini apakah status terkini kes kematian Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim; dan
- b) apakah komitmen Kerajaan dalam memastikan kes kematian Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim akan mendapat pembelaan yang sewajarnya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mahkamah Koroner Shah Alam yang bersidang pada 27 September 2019, telah memutuskan punca kematian anggota bomba, Muhammad Adib bin Mohd Kassim, bukanlah disebabkan kemalangan tetapi disebabkan perbuatan jenayah oleh dua (2) orang atau lebih suspek. Berdasarkan keputusan yang telah dibuat ini, pihak PDRM sedang menjalankan siasatan berdasarkan arahan Pejabat Peguam Negara dan mengumpul bukti-bukti yang ada untuk dikemukakan kepada pihak pendakwa.

Tindakan ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan amat serius di dalam menjalankan siasatan dan akan mengambil tindakan sewajarnya berlandaskan undang-undang negara yang masih berkuatkuasa.